



SOALAN-SOALAN LAZIM – KAD DEBIT VISA BSN

1. Apakah Kad Debit Visa BSN?

Kad Debit BSN Visa adalah kad debit Visa payWave berdasarkan ‘*multi privilege*’ yang dihubungkan dengan akaun simpanan/semasa BSN anda dan menawarkan pelbagai manfaat untuk membantu anda menjalani kehidupan yang mudah tanpa beban hutang.

Ia boleh digunakan untuk membuat pembelian di dalam atau di luar negara di mana logo Visa atau Visa payWave dan logo MyDebit dipamerkan dan juga untuk pembelian atas talian. Bagi transaksi ATM, anda boleh menggunakannya di mana-mana ATM BSN, ATM MEPS atau ATM yang memaparkan logo Visa PLUS di luar negara. Walau apapun cara anda menggunakannya, bayaran akan ditolak secara automatik daripada akaun simpanan/semasa BSN anda - jadi ia membantu anda merancang dan memastikan anda tidak berbelanja secara berlebihan.

2. Apakah keunikan dan kelebihan Kad Debit Visa BSN yang baru?

Kebanyakan kad debit mempunyai dua ciri-ciri utama iaitu keupayaan untuk membeli barang-barang di “*Point of Sales*” dan juga transaksi atas talian serta keupayaan untuk mengeluarkan wang tunai di ATM. Kad Debit BSN Visa menawarkan anda lebih daripada itu! Anda akan menikmati faedah dan ciri-ciri pintar seperti ini dan banyak lagi – semua digabungkan dalam satu kad debit.

a. Visa payWave

Hanya beli, imbas dan pergi dengan Kad Debit BSN Visa anda di mana sahaja logo Visa payWave dipaparkan, di dalam atau di luar negara. Visa payWave adalah kaedah pembayaran yang mudah, selamat dan cepat untuk pembelian sehingga RM250 dan tiada tandatangan atau PIN diperlukan. Tidak perlu gusar samada anda mempunyai wang tunai yang tidak mencukupi atau mencari-cari wang kecil.

b. MyDebit

Nikmatilah kemudahan membayar dengan MyDebit apabila anda membeli-belah di lebih daripada 50,000 kedai runcit di seluruh Malaysia. Anda boleh membuat pembelian runcit dengan pembayaran sentuh atau tanpa sentuh runcit dengan pantas dan selamat di terminal POS yang memaparkan logo MyDebit.

*Nota: Manfaat **Touch ‘n Go** dan **PLUSMiles** adalah tidak lagi terpakai untuk Kad Debit Visa BSN baharu (PIN & BAYAR) bermula dari 1 Januari 2016 dan seterusnya. Manfaat dan maklumat ini adalah kekal untuk Ahli Kad Debit BSN Visa yang sedia ada dan akan dihentikan pada **1 Julai 2017**.*

3. Siapakah yang layak memohon Kad Debit Visa BSN?

Individu yang mempunyai akaun simpanan/semasa BSN dan memenuhi kelayakan umur.

4. Bagaimanakah saya boleh memohon Kad Debit Visa BSN?

- Kunjungi mana-mana Cawangan BSN yang terdekat untuk membuka akaun simpanan/semasa.
- Lengkapkan borang permohonan dan pilih Kad Debit Visa BSN.
- Bawa bersama MyKad anda bagi tujuan pengesahan.

5. Saya adalah Ahli Kad BSN Matrix. Bagaimanakah cara untuk saya menukarkan kad saya kepada Kad Debit Visa BSN yang baharu bagi menikmati keistimewaan yang disediakan?

Anda boleh menukar kad anda untuk Kad Debit BSN Visa baharu di mana-mana cawangan BSN. Sila bawa Kad Matrix BSN anda dan MyKad untuk tujuan pengesahan.

6. Apakah itu Visa payWave dan MyDebit tanpa sentuh dan dimana saya boleh menggunakannya?

Visa payWave dan MyDebit merupakan kaedah pembayaran yang mudah, selamat dan pantas bagi pembelian di bawah RM250 di mana-mana peniaga yang memaparkan logo Visa payWave atau MyDebit di Malaysia dan di luar negara. Tiada tandatangan atau PIN diperlukan. Walau bagaimanapun, anda masih boleh menggunakan Kad Debit BSN Visa anda untuk pembelian amaun yang besar dengan memasukan PIN anda untuk pengesahan atau menandatangani resit jualan seperti amalan biasa.

Berikut adalah cara ia berfungsi:

- a. Cari logo tanpa sentuh Visa payWave/ MyDebit di premis perniagaan yang mengambil bahagian.
- b. Imbas Kad Debit Visa BSN anda pada pembaca kad yang terjamin keselamatannya.
- c. Alihkan kad anda setelah mendengar bunyi 'bip'.
- d. Ambil barang belian anda dan selesai. Sila minta dari juruwang sekiranya anda perlukan resit.

7. Di mana saya boleh menggunakan Kad Debit Visa BSN saya?

- **Untuk Pembelian Runcit:** Di jutaan rangkaian rakan niaga Visa dan myDebit di Malaysia atau di luar negara seperti kedai runcit, pasaraya, restoran, stesen petrol dan banyak lagi.
- **Untuk Pembelian Dalam Talian, Menerusi Pos dan Telefon:** Di laman web membeli belah di seluruh dunia termasuk pembelian menerusi pesanan pos atau telefon.
- **Untuk Transaksi ATM:** Di ATM BSN, ATM MEPs dan ATM luar negara yang mempunyai logo Visa PLUS.

8. Adakah saya perlu membayar apa-apa caj bila saya menggunakan Kad Debit Visa BSN bagi pembelian runcit atau atas talian?

Tiada caj bayaran atau yuran dikenakan bagi pembelian runcit atau atas talian menggunakan Kad Debit BSN Visa.

9. Apakah had pembelian harian saya?

Untuk kawalan keselamatan, BSN memberi anda fleksibiliti untuk memilih had pembelian yang diinginkan bagi pembelian runcit anda. Had pembelian harian telah ditetapkan pada RM3,000 bagi Dewasa dan RM500 bagi Remaja. Anda boleh mengubah had ini di mana-mana ATM BSN, Perbankan Internet myBSN atau cawangan BSN.

10. Berapa lama masa yang diambil untuk memohon Kad Debit Visa BSN?

Anda akan mendapat Kad Debit BSN Visa serta-merta bersama dengan PIN apabila anda memohon di mana-mana cawangan BSN.

11. Bolehkah saya menggunakan Kad Debit Visa BSN di luar negara?

Ya, anda boleh menggunakan Kad Debit BSN Visa di luar negara dengan syarat anda mengaktifkan fungsi Transaksi Luar Negara sebelum anda berlepas. Proses pengaktifan boleh dilakukan melalui ATM BSN, Perbankan Internet myBSN, Pusat Hubungan Pelanggan BSN ataupun di mana-mana cawangan BSN. Setelah diaktifkan, anda boleh menggunakan Kad Debit BSN Visa anda untuk pembelian runcit atau untuk pengeluaran wang tunai di mana-mana mesin ATM luar negara yang mempunyai logo Visa PLUS.

12. Apa yang perlu saya lakukan jika Transaksi Pembelian Atas Talian ataupun Luar Negara tidak berjaya?

Anda perlu mengaktifkan fungsi Pembelian Atas Talian dan Fungsi Transaksi Luar Negara bagi membolehkan transaksi ataupun penggunaan tersebut dibenarkan. Pengaktifan boleh dilakukan melalui ATM BSN, Perbankan Internet myBSN, Pusat Hubungan Pelanggan BSN ataupun di mana-mana cawangan BSN.

13. Bolehkah saya menyahaktifkan fungsi Pembelian Atas Talian dan Transaksi Luar Negara?

Ya. Anda boleh menyahaktifkan fungsi Pembelian Atas Talian dan Transaksi Luar Negara melalui ATM BSN, Perbankan Internet myBSN, Pusat Hubungan Pelanggan BSN ataupun di mana-mana cawangan BSN.

14. Apakah contoh di mana urusniaga pra-kebenaran transaksi dilakukan ke atas akaun simpanan saya?

- **Stesen Minyak** – Jumlah pra-kebenaran sebanyak RM200 akan didebitkan daripada akaun simpanan/semasa BSN anda apabila anda membayar di mesin pam minyak (kiosk luar). Jumlah ini akan dikembalikan semula apabila bank menerima bayaran penyelesaian sebenar di dalam masa 3 hari bekerja. Anda dinasihatkan untuk membuat transaksi di kaunter pembayaran stesen minyak untuk mengelakkan pegangan pra-kebenaran.

15. Mengapa kadang-kadang transaksi Kad Debit Visa BSN saya ditolak?

Antara sebab-sebab yang lazim termasuk:

- Baki yang tidak mencukupi di dalam akaun simpanan/semasa anda atau disebabkan oleh pegangan jumlah pra-kebenaran.
- Jumlah transaksi melebihi had pembelian harian.
- Jika transaksi atas talian/luar negara ditolak, berkemungkinan anda tidak mengaktifkan Fungsi Pembelian Atas Talian/Transaksi Luar Negara untuk kad Debit BSN Visa anda.

16. Apakah ciri-ciri keselamatan dalam Kad Debit Visa BSN?

- **Cip Pintar EMV:** Menggunakan teknologi cip pintar terkini untuk keselamatan yang lebih ketat.
- **Pin & Bayar:** Bermula 1 Julai 2017, semua urus niaga tempatan di Malaysia hanya dapat dijalankan dengan menggunakan PIN. Setiap transaksi mengandungi kod unik yang dijana oleh cip yang berubah dengan setiap pembelian, ini adalah untuk menghalang dari sebarang penipuan.
- **Visa payWave/ myDebit tanpa sentuh:** Kad ini tidak akan berpindah tangan ke pihak lain ketika membuat urus niaga, di mana dapat mengurangkan risiko penipuan.
- **Polisi Liabiliti Sifar Visa:** Melindungi anda daripada mana-mana pembelian yang tidak sah.
- **Penetapan Had Pembelian Harian:** Had pembelian harian Akaun Dewasa Giro/-i ialah RM3,000 dan RM500 bagi Akaun Remaja. Anda boleh mengurangkan atau meningkatkan had ini di mana-mana ATM BSN, Perbankan Internet myBSN atau cawangan BSN.
- **Had Pembayaran tanpa sentuh:** Setiap transaksi tanpa sentuh dihadkan kepada RM250 untuk Dewasa dan RM200 untuk Remaja/*Junior* dan jumlah transaksi terkumpul adalah terhad kepada maksimum RM2,500 untuk Dewasa dan RM500 untuk Remaja/*Junior* dan tertakluk kepada Had Pembelian Harian. Anda boleh mengurangkan had ini atau membatalkan fungsi pembayaran tanpa sentuh di mana-mana cawangan BSN.
- **Pemberitahuan SMS:** Pemberitahuan melalui SMS akan dihantar ke nombor telefon bimbit berdaftar anda untuk transaksi tertentu menggunakan kad.
- **Membeli-belah secara atas talian (online):** Ketika membuat pembayaran untuk pembelian atas talian, kod BOSS (BSN Online Secured Shopping) akan dihantar ke nombor telefon bimbit anda yang berdaftar dengan BSN melalui SMS untuk anda memasukkan kod dan melengkapkan transaksi dengan selamat.

Nota: Sila pastikan anda mengemaskini nombor telefon bimbit terkini anda di mana-mana cawangan BSN.

17. Apa perlu saya buat jika Kad Debit Visa BSN saya hilang atau dicuri?

Anda perlu melaporkan kehilangan atau kecurian kad anda dengan segera melalui salah satu saluran berikut:

- Hubungi Pusat Hubungan Pelanggan BSN di **+603-2613 1900**; atau
- Segera ke mana-mana cawangan BSN dan buat laporan.

18. Apakah tanggungjawab saya sebagai Ahli Kad Debit Visa BSN?

- a) Anda hendaklah menandatangani di belakang Kad Debit Visa BSN sebaik sahaja menerima Kad dan memenuhi terma dan syarat bagi penggunaan Kad Debit Visa BSN.
- b) Anda perlu mengambil langkah berjaga-jaga untuk mencegah kehilangan atau kecurian Kad Debit Visa BSN anda dan melindungi Kad dan Nombor Pengenalan Peribadi (PIN) pada setiap masa. Ini termasuk yang berikut:
 - i. Tidak mendedahkan butiran BSN Kad Debit Visa anda atau PIN kepada mana-mana orang lain.
 - ii. Tidak menulis PIN anda pada Kad Debit Visa BSN atau pada mana-mana tempat dan menyimpannya bersama-sama dengan Kad.
 - iii. Tidak menggunakan tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon sebagai PIN anda.
 - iv. Tidak membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad Debit Visa BSN dan PIN anda.
 - v. Jangan meninggalkan Kad Debit BSN Visa anda tanpa dijaga.
- c) Anda hendaklah memberitahu Bank dengan serta-merta selepas mendapati bahawa Kad Debit BSN Visa anda hilang, dicuri, transaksi yang tidak dibenarkan telah berlaku atau PIN anda telah terdedah dengan menghubungi Pusat Panggilan BSN atau membatalkan kad anda melalui Perbankan Internet myBSN atau mana-mana cawangan BSN.
- d) Anda hendaklah memberitahu Bank dengan serta-merta apabila menerima amaran transaksi melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) jika urus niaga itu tidak diberi kuasa.
- e) Bank hendaklah dimaklumkan dengan serta-merta tentang sebarang perubahan nombor telefon anda.
- f) Anda bertanggungjawab untuk memastikan dana yang mencukupi dalam akaun sebelum melakukan urus niaga.
- g) Semak rekod transaksi anda dari semasa ke semasa melalui www.mybsn.com.my untuk memastikan urus niaga yang dilakukan adalah betul dan memberitahu kami secara bertulis dalam masa 14 hari dari tarikh transaksi tersebut jika terdapat sebarang kesilapan atau ketinggalan. Jika tidak, transaksi tersebut akan dianggap sebagai tepat.
- h) Anda hendaklah menggunakan Kad Debit Visa BSN anda dengan bertanggungjawab dan bukan untuk sebarang aktiviti haram atau menyalahi undang-undang termasuk menggunakan kad untuk transaksi perjudian atas talian dan menggunakan kad untuk membuat bayaran untuk transaksi yang tidak diluluskan oleh Syariah (untuk akaun berlandaskan Islam).

19. Bagaimana jika saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

Anda akan bertanggungjawab ke atas urus niaga tanpa kebenaran yang berasaskan PIN, yang memerlukan pengesahan tandatangan atau menggunakan kad tanpa sentuhan jika anda telah melakukan penipuan dan gagal memenuhi tanggungjawab seperti di No. 18.

20. Adakah terdapat apa-apa caj yang dikenakan oleh BSN untuk Kad Debit Visa BSN?

Butiran	Caj/Yuran
Yuran Tahunan	
a. BSN GIRO/-i	a. Seperti dibawah
i. Dewasa	i. RM8
ii. Remaja/Junior	ii. RM5
iii. Biasiswa	iii. RM1
b. BSN GIRO/-i eSaver	b. Dikecualikan
c. BSN Basic Saving/i	c. Dikecualikan
d. BSN GIRO/-i Premium	d. RM8

<i>Nota: Yuran tahunan akan dikenakan pada tarikh ulang tahun Kad. Ia tidak akan dikenakan pada tahun yang sama Kad dikeluarkan kepada Ahli Kad.</i>	
Pengeluaran Kad Baru a. BSN GIRO/-i i. Dewasa ii. Remaja/Junior iii. Biasiswa b. BSN GIRO/-i eSaver c. BSN Basic Saving/i d. BSN GIRO/-i Premium	a. Seperti dibawah i. RM12 ii. RM5 iii. RM5 b. RM12 c. RM12 d. RM12
Pembaharuan Kad	Percuma
Penukaran/Naiktaraf Kad Dari Kad ATM atau Kad Debit Matrix Visa Elektron BSN atau Kad Debit BATMAN BSN Visa atau Kad Debit BSN Visa kepada Kad Debit BSN Visa (PIN & PAY).	Percuma
Yuran Penggantian Kad ▪ Untuk kerosakan Kad Debit disebabkan oleh kecuaihan Ahli Kad, hilang atau dicuri ▪ Cip Kad Rosak	RM12 Percuma
Pengeluaran Tunai ATM Domestik ▪ ATM BSN ▪ ATM di Bank Tempatan yang lain melalui MEPS ▪ ATM di Bank Asing melalui MEPS Antarabangsa ▪ Rangkaian ATM melalui VISA PLUS	Percuma RM1 setiap pengeluaran tunai RM1 setiap pengeluaran tunai RM12 setiap pengeluaran tunai
Pertanyaan Baki ATM	Percuma
Rekod Transaksi (Bagi 2 bulan terakhir) Perbankan Dalam Talian @ www.mybsn.com.my	Percuma
Pemindahan Wang melalui ATM bank-bank ahli MEPS	RM0.50 setiap transaksi (Bagi transaksi melebihi RM5,000)
Yuran Permintaan Semula Slip Jualan	RM15 setiap salinan
Bayaran Penukaran untuk Urus Niaga Luar Negara	Mengikut kadar pertukaran yang ditentukan oleh VISA tambah yuran transaksi dikenakan oleh VISA (bersamaan dengan 1%)

Nota: Semua Yuran dan Caj yang dikenakan ke atas Kad Debit Visa BSN anda adalah tertakluk kepada sebarang cukai yang dikenakan atau akan dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang kompeten di Malaysia yang dikira pada kadar semasa.

Maklumat yang terkandung di dalam Soalan-soalan Lazim ini adalah sah mulai November 2025.